

FRIM tawar kepakaran, pemeriksaan

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan kepakarannya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memeriksa pokok berusia yang berisiko tumbang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ia bagi mengelak insiden pokok Hujan-Hujan yang tumbang dan nyaris menghempap sepasang suami isteri di Jalan Ampang di sini, pagi semalam, daripada berulang.

Katanya, FRIM sedia menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pemeriksaan bagi mengenal pasti sama ada pokok ditanam di kawasan bandar, berisiko untuk tumbang.

"Saya harap PBT di seluruh negara datang berbincang dan kami sedia membantu memantau pokok ditanam dalam kawasan mereka, seperti dilaksanakan FRIM di Putrajaya.

"FRIM juga memiliki kepakaran dan peralatan untuk melatih kakitangan PBT dan kontraktor mereka untuk menjalankan pemeriksaan pokok serta penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik dan mengikut amalan terbaik arborikultur," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

SUSULAN POKOK TUMBANG DI JALAN AMPANG

Tuntut insurans pokok: DBKL

➔ Mangsa perlu ikut prosedur di Jabatan Landskap

Oleh **Mohd Fharkhan Abdul Ghapar**
cnews@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Mangsa kejadian pokok tumbang di Jalan Ampang semalam, boleh membuat tuntutan pampasan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin Nordin Abd Aziz, berkata mangsa terbabit boleh membuat tuntutan mengikut prosedur ditetapkan.

Katanya, tuntutan membatik kes seumpama itu adalah perkara sedia ada dalam insurans yang dinamakan Tang-

gungan Awam (public liability).

"Mangsa boleh membuat tuntutan mengikut prosedur di Jabatan Landskap DBKL kerana setiap pokok di Kuala Lumpur dilindungi insurans.

Serah dokumen lengkap

"Mangsa perlu menyerahkan dokumen lengkap yang diperlukan seperti bil kerosakan harta benda dan bil hospital. Jabatan terbabit akan memberi penerangan kepada mangsa untuk membuat proses tuntutan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.43 pagi kelmarin, sepasang suami isteri yang menaiki motosikal merempuh sebatang pokok tumbang di Jalan Ampang berdekatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

Akar yang reput dikenal pasti punca pokok spesies Hujan-Hujan berusia 130 tahun dengan ukur lilit bersaiz 4.65 meter itu tumbang.

Mangsa, Norazrul Ahmad, 37,



Mangsa boleh membuat tuntutan mengikut prosedur di Jabatan Landskap DBKL kerana setiap pokok di Kuala Lumpur dilindungi insurans"

Mhd Amin Nordin Abd Aziz,
Datuk Bandar
Kuala Lumpur

cedera parah, manakala isterinya, Mira Ezva Abd Rasid, 25, cedera ringan selepas terlanggar pokok berkenaan.

Ketika ditanya berhubung tindakan undang-undang yang mungkin diambil keluarga mangsa, Mhd Amin berkata, DBKL sedia memberi kerjasama.

"Jika mangsa mahu mengambil tindakan undang-undang, kita akan tunggu keputusan mahkamah. Namun, jika mangsa hanya membuat tuntutan berasaskan insurans, DBKL sedia membayar mengikut prosedur," katanya.



Keratan akhbar
BH, semalam.